KALIMAT



Mohamed Naim Daipi

BAHAGIAN 10

GABUNG AYAT

SUSUN AYAT

JAWAPAN

Nama : .....

GABUNG AYAT

ARAHAN : Sambung ayat-ayat berikut dengan menggunakan kata hubung yang sesuai.

1

Tenggang tergamak. Tenggang meninggalkan ibunya. Ibunya sudah tua. Ibunya sudah uzur.

2

Puan Dilah menunggu teksi di tepi jalan itu. Puan Dilah pitam.
Puan Dilah rebah di tepi jalan itu.

3

Orang-orang yang berhutang tidak akan senang hati. Hutang mereka belum dilumaskan. Hutang mereka belum dilangsaikan.

SUSUN AYAT

ARAHAN : Atur perkataan / frasa berikut agar menjadi ayat yang lengkap dan baku.

4

di sungai itu / memanggil anaknya / sedang berenang / yang / wanita tua itu / untuk / berteriak

5

tersangkut / terjun / dalam sungai / kerana / di / ke / batu itu / budak itu / mata kailnya

6

sedang menyiasat / itu / perompakan / di rumah / para detektif / yang berlaku / orang kaya itu

JAWAPAN

GABUNG AYAT

(1) Tenggang tergamak meninggalkan ibunya yang sudah tua dan uzur.
(2) Sewaktu / ketika menunggu teksi, Puan Dilah pitam lalu rebah di tepi jalan itu.
(3) Orang-orang yang berhutang tidak akan senang hati jika / selagi hutang mereka belum dilunaskan atau dilangsaikan.

SUSUN AYAT

(1) Wanita tua itu berteriak untuk memanggil anaknya yang sedang berenang di sungai itu.
(2) Budak itu terjun ke dalam sungai kerana mata kailnya tersangkut di batu itu.
(3) Para detektif itu sedang menyiasat perompakan yang berlaku di rumah orang kaya itu.

NOTA : Jawapan-jawapan lain yang munasabah, lengkap dan baku boleh diterima.